




Semarak International Journal of Islamic Studies and Culture

Journal homepage:
<https://semarakilmu.my/index.php/sijisc/index>
ISSN: 3036-020X



Integrasi Epistemologi Islam dan Prinsip Sains Konvensional: Memperkasa Etika dan Kualiti Penyelidikan Kontemporari

Integration of Islamic Epistemology and Conventional Scientific Principles: Empowering the Ethics and Quality of Contemporary Research

Nurwaina Rasit^{1,*}, Naquiah Nahar¹, Nur Mustaqim Abu Bakar¹, Asraf Hadzwan Ahmad Safian¹

¹ Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi, IPG Kampus Perempuan Melayu Melaka, Kampung Durian Daun Dalam, 75400 Melaka, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 7 July 2025

Received in revised form 20 August 2025

Accepted 25 August 2025

Available online 2 September 2025

Keywords:

Epistemologi Islam; sains konvensional; pendekatan bersepadu; tauhid; nilai Islam

Islamic epistemology; conventional science; integrated approach; monotheism; Islamic values

ABSTRACT

Penyelidikan dari perspektif Islam menegaskan kepentingan kesepaduan antara wahyu dan akal sebagai sumber ilmu, dengan mengekalkan nilai tauhid serta prinsip etika Islam dalam semua tahap proses penyelidikan. Melalui pendekatan bersepadu, kajian ini bertujuan untuk meneliti secara kritis literatur yang berkaitan dengan epistemologi Islam dan sains konvensional, serta menekankan prinsip etika penyelidikan berlandaskan *maqasid al-Shariah* bagi memperkukuh kualiti serta mempertingkatkan impak penyelidikan dalam konteks kontemporari. Pendekatan metodologi kajian ini adalah melalui ulasan literatur sistematik yang mengintegrasikan dapatan daripada kajian-kajian semasa mengenai epistemologi Islam dan pendekatan sains konvensional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integrasi ini mampu memperkukuh kesahihan ilmu, mengekalkan nilai moral, dan menyokong pembangunan penyelidikan yang beretika dan berimpak tinggi. Kajian ini menyimpulkan bahawa pendekatan bersepadu berteraskan tauhid dan nilai Islam adalah relevan dan diperlukan bagi membentuk penyelidikan yang holistik dan berdaya saing di peringkat global.

*Research from an Islamic perspective emphasizes the importance of the integration between revelation and reason as sources of knowledge, by maintaining the values of monotheism and Islamic ethical principles at all stages of the research process. Through an integrated approach, this study aims to critically examine the literature related to Islamic epistemology and conventional science, and emphasize the principles of research ethics based on *maqasid al-Shariah* to strengthen the quality and enhance the impact of research in a contemporary context. The methodological approach of this study is through a systematic literature review that integrates findings from current studies on Islamic epistemology and conventional scientific approaches. The study findings show that this integration is able to strengthen the validity of knowledge, maintain moral values, and support the development of ethical and high-impact research. This study concludes that an integrated approach based on monotheism and*

* Corresponding author.

E-mail address: nurwaina@ipgm.edu.my

<https://doi.org/10.37934/sijisc.7.1.1926>

1. Pengenalan

Penyelidikan merupakan asas utama dalam pengembangan ilmu pengetahuan serta pemacu penting dalam pembangunan masyarakat. Dari perspektif Islam, konsep dan amalan penyelidikan tidak hanya dilihat sebagai suatu aktiviti yang bersifat ilmiah dan akademik semata, tetapi juga sebagai satu usaha mencari kebenaran yang berteraskan wahyu dan akal serta perlu diselaraskan dengan nilai tauhid dan maqasid syariah. Paradigma epistemologi Islam menegaskan bahawa ilmu merupakan kesepaduan antara sumber wahyu (naqli) dan akal (aqli) secara holistik. Sebagai contoh, integrasi ilmu naqli dan aqli telah diterapkan sebagai falsafah utama oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), yang melihat wahyu dan rasional sebagai dua paksi utama dalam memperoleh dan menyusun ilmu menurut perspektif Islam [12]. Manakala sains konvensional lebih menekankan prinsip empirisme dan rasionalisme. Empirisme menegaskan bahawa sesuatu pengetahuan dianggap sah hanya apabila dapat dibuktikan atau diuji secara objektif melalui pengalaman deria dan pemerhatian terhadap realiti, manakala rasionalisme berpendapat bahawa akal dan penalaran logik merupakan sumber utama bagi memperoleh pengetahuan yang benar [19].

Dalam era moden ini, terdapat kecenderungan yang kuat untuk memisahkan agama daripada bidang sains dan ilmu pengetahuan. Ramai penyelidik menjelaskan bahawa perubahan budaya dan pemikiran di dunia Barat menyebabkan agama dilihat sebagai satu daripada banyak pilihan cara hidup sahaja. Fenomena ini dibincangkan secara mendalam oleh *Charles Taylor* dalam bukunya *A Secular Age* [21]. Selain itu, kajian sejarah juga menjelaskan bahawa ilmu sains sering diletakkan dalam rangka pemisah antara autoriti wahyu dan autoriti akal serta bukti empirikal [9]. Namun, perspektif Islam melihat pemisahan sebegini sebagai suatu kelemahan dari sudut ilmu dan pemikiran. Islam mengesyorkan agar ilmu pengetahuan diintegrasikan di bawah prinsip tauhid iaitu keesaan Allah SWT.

Al-Faruqi menekankan prinsip tauhid dengan menyatukan pelbagai aspek ilmu dan kehidupan dengan mengintegrasikan wahyu sebagai asas utama. Dalam konteks ini, wahyu (*naqli*) dan akal (*aqli*) serta pengalaman manusia dianggap tidak bertentangan, tetapi saling melengkapi dalam memahami kebesaran dan ciptaan Allah. Oleh itu, epistemologi Islam menegaskan bahawa sumber ilmu, seperti al-Qur'an, Sunnah, akal yang rasional, dan pemerhatian terhadap alam, dapat diintegrasikan secara menyeluruh bagi membentuk amalan penyelidikan yang bersifat holistik dan dinamik. Konsep penyelidikan dalam kerangka ini dilihat secara bersepadu kerana tujuan ilmiah dan nilai spiritual berjalan seiring serta saling mengukuhkan [14]. Oleh itu, integrasi antara epistemologi Islam dan prinsip sains konvensional menjadi keperluan kritikal demi membangunkan penyelidikan yang komprehensif dan berimpak tinggi. Kajian ini bukan sahaja bertujuan meneroka konsep dan amalan penyelidikan yang menggabungkan kedua-dua paradigma ini dalam kerangka tauhid dan nilai Islam, tetapi secara sekali gus menjulang prinsip-prinsip Islam dengan matlamat menghasilkan ilmu yang bersifat menyeluruh serta beretika.

2. Kajian Literatur

Di dalam konteks ini, pengkaji akan memfokuskan kajian literatur berkaitan pemboleh ubah-pemboleh ubah utama di dalam kajian ini.

2.1 Konsep Penyelidikan dalam Islam

Penyelidikan dalam Islam bukan sekadar usaha mengumpul fakta atau data semata-mata, tetapi merupakan satu proses menyeluruh yang berteraskan nilai spiritual dan moral. Ia bermula dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT, dengan tujuan utama untuk mencari kebenaran hakiki yang bukan hanya bersifat saintifik, tetapi juga berpaksikan wahyu dan prinsip syariah. Firman Allah SWT:

﴿أَوَلَمْ يَنْظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ﴾

Maksudnya : *Dan apakah mereka tidak memperhatikan kerajaan langit dan bumi dan segala sesuatu yang diciptakan Allah .(Surah al-a’Raf , 85:7)*

Ayat ini menekankan kepentingan manusia untuk meneliti dan mengkaji kejadian alam sebagai tanda kebesaran dan kewujudan Allah. Arahan ini bukan sahaja menggalakkan pemerhatian secara umum, tetapi juga membentuk asas epistemologi Islam yang menyatukan sains dengan iman. Dalam konteks ini, penyelidikan dilihat sebagai usaha holistik mencari kebenaran (*al-ḥaqq*) melalui kesepaduan wahyu (*naql*) dan akal (*‘aql*), berlandaskan niat ikhlas kerana Allah dan prinsip syariah agar ilmu yang dihasilkan bukan sahaja saintifik, tetapi juga memberi manfaat (*‘ilm nafi*) serta memelihara lima maqāṣid syariah iaitu agama, jiwa, akal, keturunan, dan harta [18].

2.2 Integrasi Epistemologi Islam dan Sains Konvensional

Dalam konteks penyelidikan, integrasi epistemologi Islam dan sains konvensional merujuk kepada usaha menggabungkan dua sumber utama ilmu, iaitu ilmu wahyu (al-Qur’an dan al-Sunnah) serta ilmu yang diperoleh melalui akal dan kajian empirikal. Pendekatan ini bukan sahaja menekankan pengharmonian antara nilai spiritual dan objektiviti saintifik, tetapi juga memastikan proses penyelidikan berteraskan panduan syariah, etika, dan kebenaran universal. Integrasi ini membolehkan penyelidikan bersifat holistik, menyatukan dimensi material dan rohani dalam menghasilkan pengetahuan yang seimbang, bermanfaat, dan berorientasikan kesejahteraan manusia sejagat.

Prinsip penyelidikan dalam Islam yang pertama adalah perlu berasaskan kepada maqāṣid al-syarī‘ah, yang menekankan pemeliharaan kepentingan (maṣlaḥah) dan penolakan kemudaratan (mafsadah), di samping menjamin nilai-nilai keadilan, keikhlasan, kerahsiaan, serta persetujuan yang jelas daripada peserta. Prinsip ini membentuk suatu kerangka etika yang praktikal melalui ijtihad yang berpandukan nas dan kaedah fiqh yang sesuai dengan konteks semasa [1,17]. Dalam amalan, penyelidikan yang menepati prinsip Islam harus mengelakkan sebarang bentuk pemalsuan data atau plagiat, memelihara kerahsiaan maklumat peserta (*sirriyyah*), melaksanakan prosedur yang adil dan telus, serta memastikan keadilan dalam pemilihan sampel atau peserta kajian [1,17,18].

Kedua, di dalam penyelidikan Islam turut menekankan prinsip keutamaan (أولوية) yang merupakan salah satu etika penting bagi setiap tindakan dan amalan penyelidikan. Allah SWT berfirman:


﴿الَّذِينَ يَسْتَمِعُونَ الْقَوْلَ فَيَتَّبِعُونَ أَحْسَنَهُ أُولَئِكَ الَّذِينَ هَدَاهُمُ اللَّهُ﴾

Maksudnya : *“Iaitu mereka yang mendengar perkataan lalu mengikuti yang terbaik daripadanya; mereka itulah orang-orang yang diberi petunjuk oleh Allah.” (Surah al-Zumar, 39:18).*

Ayat ini menegaskan bahawa golongan yang mendapat petunjuk ialah mereka yang membuat keputusan dan tindakan berasaskan keutamaan (*priority*), dengan mempertimbangkan kepentingan, kesesuaian masa, tempat dan keadaan. Prinsip ini membawa makna bahawa para penyelidik perlu

memberi tumpuan kepada kajian yang membawa manfaat terbesar kepada ummah, mengelakkan isu remeh yang tidak mendatangkan maslahat, serta mematuhi garis panduan syariah. Dalam konteks ini, Islam menegaskan bahawa setiap usaha penyelidikan mesti berfokus kepada menjalinkan kebaikan (جلب المصالح) atau menghindari kerosakan (درء المفسد), di mana penilaian tentang baik atau buruk hanya boleh dibuat berdasarkan wahyu, bukan emosi, adat atau sekadar perubahan zaman. Para penyelidik perlu terlebih dahulu memahami definisi kebaikan dan keburukan menurut syariah agar kajiannya benar-benar bermanfaat dan terarah. Hal ini konsisten dengan prinsip maqasid al-shari'ah, di mana *maslahah* (kebaikan atau maslahat umum) harus melebihi *mafsadah* (kemudaratan) demi memastikan tujuan syariah terpelihara. Perspektif ini diaplikasikan secara praktikal dalam bidang penyelidikan moden, contohnya dalam bidang perubatan di mana keputusan seperti pengubahsuaian genetik atau penggunaan teknologi mutakhir. Prosedur ini perlu dinilai melalui kacamata *maslahah* dan *maqasid* bagi memastikan manfaatnya tidak bertentangan dengan nilai Islam [11]. Pendekatan *maqasid* ini mencerminkan bahawa penyelidikan bukan hanya bersifat empirikal tetapi disertai dengan tanggungjawab moral dan spiritual [8].

Selain itu, prinsip ketiga dalam konteks penyelidikan ialah Islam menekankan aspek pemilihan tajuk, reka bentuk, metodologi, dan aplikasi dapatan kajian hendaklah berpandukan al-Qur'an dan Sunnah sebagai sumber utama. Ini kerana dalam epistemologi Islam, ilmu bukan sekadar pengumpulan data, tetapi amanah yang mesti memberi manfaat sejagat. Setiap penyelidikan haruslah memenuhi prinsip yang halal, *tayyib* (baik), dan membawa maslahat kepada masyarakat. Metodologi pula perlu berteraskan nilai kejujuran dan ketelusan, serta menghindari manipulasi data [4]. Tambahan pula, aplikasi hasil kajian wajib mengambil kira realiti semasa dan selaras dengan *maqasid al-syariah* iaitu memelihara agama, nyawa, akal, harta, dan keturunan, serta menolak kemudaratan [10]. Sebagai contoh, penyelidikan moden yang mengaplikasikan *maqasid* ini telah diperluas ke pelbagai bidang termasuk ekonomi, iaitu melalui pelaksanaan pembangunan produk kewangan yang menyeluruh dan beretika [20], serta dalam pengukuran prestasi organisasi berteraskan kerangka *maqasid* yang seimbang dan lestari [7]. Dengan demikian, penyelidikan Islam disarankan bukan sahaja memenuhi kehendak kepada ilmu empirikal, tetapi juga memiliki dimensi moral dan spiritual, sejajar dengan visi syariah yang holistik. Keseluruhannya, *maqasid* syariah bukan menjadi asas etika sahaja, tetapi juga sebagai pembentuk tujuan penyelidikan ilmiah yang hakiki dan tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Dalam kerangka penyelidikan, integrasi epistemologi Islam dan sains konvensional bermaksud menyepadukan sumber ilmu wahyu (al-Qur'an dan al-Sunnah) dapat dilihat melalui Rajah 1 seperti di bawah.



Raj. 1. Penyelidikan, integrasi epistemologi Islam dan sains konvensional bermaksud menyepadukan sumber ilmu wahyu (al-Qur'an dan al-Sunnah)

2.3 Implikasi dan Kepentingan

Integrasi epistemologi Islam dan sains konvensional dalam penyelidikan membawa beberapa implikasi penting. Pertama, ia membuka laluan kepada metodologi penyelidikan yang dinamik dan holistik, bukan semata-mata bergantung kepada paradigma Barat, tetapi bersesuaian dengan nilai-nilai syariah. Kajian oleh Mahmudul Hassan *et al.*, [15] menunjukkan bagaimana epistemologi Islam mempengaruhi reka bentuk kurikulum pendidikan berteraskan etika dan kerangka berbilang budaya. Integrasi ini memungkinkan perkembangan kajian yang tidak hanya bernilai saintifik tetapi juga bertanggungjawab secara moral dan merangka generasi penyelidik yang lebih bermoral dan inkluf.

Kedua, kajian terhadap maqāṣid al-syarī'ah iaitu objektif syariah dalam aplikasi moden seperti etika kecerdasan buatan (AI) dan perubatan menunjukkan betapa pentingnya nilai-nilai Islam dalam mengawal implikasi sosial dan teknologi. Mohadi [16] meneliti cabaran etika kecerdasan buatan (AI) melalui perspektif maqāṣid al-syarī'ah dan menekankan kepentingan pembangunan teknologi yang tidak melanggar privasi atau bersifat manipulatif, sekali gus memastikan kesejahteraan sosial. Dalam konteks yang berbeza, kajian Alfahmi *et al.*, [2] menerapkan pendekatan maqāṣid bagi menangani isu bioetika dalam bidang perubatan. Kajian tersebut menunjukkan bahawa pendekatan ini berperanan menilai dimensi moral setiap intervensi teknologi, bagi memastikan penyelidikan memberikan manfaat yang optimum dan meminimumkan kemudaran.

Ketiga, integrasi ini juga menyumbang kepada kesinambungan antara pendidikan tradisional Islam dan penyelidikan kontemporari. Kajian oleh Jaiyeoba [13] dengan membangunkan satu kerangka berasaskan maqāṣid al-syarī'ah yang diterapkan dalam agenda pembangunan lestari. Pendekatan ini menunjukkan bagaimana prinsip syariah dapat dijadikan asas dalam menangani isu-isu global seperti kelestarian alam sekitar. Model ini bukan sahaja memperkenalkan inovasi dari segi metodologi penyelidikan, malah menekankan relevansi moral yang selari dengan cabaran kontemporari seperti perubahan iklim dan keperluan pembangunan lestari. Secara keseluruhannya, integrasi epistemologi Islam dan sains konvensional dalam penyelidikan bukan sahaja memperkukuh asas saintifik dan metodologi, tetapi juga memastikan proses penyelidikan kekal berlandaskan nilai moral, maqāṣid al-syarī'ah, dan kepentingan kemanusiaan sejagat.

3. Metodologi

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis dokumen sebagai strategi utama. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk meneliti konsep, prinsip, dan perbincangan ilmiah secara mendalam berkaitan integrasi epistemologi Islam dan sains konvensional. Pendekatan kualitatif memberi penekanan kepada pemahaman makna (*meaning making*) berasaskan teks, berbanding pengukuran kuantitatif. Kaedah analisis dokumen dipilih kerana kajian ini melibatkan penilaian terhadap bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dengan sumber epistemologi Islam seperti al-Qur'an, al-Sunnah, pandangan ulama', serta sumber sains konvensional yang diterbitkan dalam bentuk buku, jurnal akademik, dan laporan penyelidikan. Menurut Bowen [5], analisis dokumen membolehkan penyelidik memperoleh data yang sistematik daripada sumber bertulis untuk meneliti tema dan pola.

3.2 Kaedah Analisis Data

Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan tematik. Proses ini melibatkan beberapa langkah iaitu pengkaji membuat pembacaan secara berulang untuk memahami makna teks. Kemudian, pengkaji menentukan kategori tema seperti konsep penyelidikan dalam Islam, epistemologi Islam, ciri sains konvensional dan kerangka integrasi. Selain itu, pengkaji turut mengenal pasti pola dan hubungan antara tema dan seterusnya membina kesimpulan berdasarkan sintesis tema yang diperolehi. Analisis ini berpandukan prinsip analisis induktif, iaitu mengenal pasti makna daripada data tanpa mengenakan hipotesis awal [6].

4. Dapatan

Analisis dokumen terhadap sumber-sumber primer iaitu al-Qur'an, al-Sunnah, dan pandangan sarjana Islam serta sumber sekunder iaitu artikel jurnal, buku, dan laporan penyelidikan menunjukkan tiga dapatan utama berkaitan integrasi epistemologi Islam dan sains konvensional dalam konteks penyelidikan:

- i. Penyatuan Sumber Ilmu - Wahyu dan Akal: Kajian ini mendapati bahawa konsep epistemologi Islam menekankan kesepaduan antara wahyu (al-Qur'an dan al-Sunnah) dan akal dalam membentuk pengetahuan. Berbeza dengan paradigma sains konvensional yang bersandarkan empirisme dan rasionalisme semata-mata [19]. Epistemologi Islam melihat kedua-dua sumber ini sebagai saling melengkapi dan bukan bersaing. Penekanan ini diterjemahkan dalam amalan penyelidikan dengan menilai soalan kajian dan objektif berdasarkan maqasid al-syariah dan masalah sosial [11].
- ii. Prinsip Etika dan Keutamaan dalam Penyelidikan: Dapatan juga menekankan bahawa etika penyelidikan berasaskan syariah perlu dipraktikkan melalui prinsip keutamaan (*awlawiyyat*) dan penolakan mudarat (*mafsadah*). Pemilihan tajuk, metodologi, dan aplikasi dapatan mestilah berpandukan nilai Islam agar tidak bercanggah dengan garis panduan syariah. Kajian seperti oleh Al-Aqeel [1] dan Rattani *et al.*, [18] menunjukkan bahawa penyelidikan yang mematuhi prinsip ini mampu mengelakkan isu seperti pemalsuan data, pelanggaran privasi, dan penyalahgunaan dapatan.
- iii. Implikasi Praktikal terhadap Bidang Kontemporari: Integrasi epistemologi Islam dalam penyelidikan moden memberi kesan positif terhadap pelbagai bidang dan disiplin ilmu seperti perubatan, teknologi, dan sains sosial. Sebagai contoh, penggunaan maqasid dalam menilai inovasi seperti penyuntingan genetik manusia dapat memastikan penyelidikan tidak membawa mudarat kepada kemanusiaan [11]. Begitu juga, pengaplikasian nilai syariah dalam etika kecerdasan buatan (AI) telah mula diterokai dalam penyelidikan global bagi memastikan pembangunan teknologi selari dengan prinsip moral [3].

5. Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa pengintegrasian epistemologi Islam dan sains konvensional merupakan asas penting dalam mewujudkan ekosistem penyelidikan yang seimbang, beretika, dan berorientasikan kesejahteraan ummah. Justeru, usaha memperkukuh model integrasi ini perlu dijadikan agenda utama dalam pembangunan ilmu kontemporari. Kesepaduan wahyu dan akal sebagai asas pengetahuan menjadikan penyelidikan bukan hanya memenuhi kriteria saintifik tetapi juga selari dengan nilai syariah, maqasid, dan masalah ummah. Pendekatan ini dapat memperkukuh ketelusan metodologi, meningkatkan kebertanggungjawaban sosial, serta menjamin bahawa inovasi

sains dan teknologi membawa manfaat tanpa mengorbankan prinsip moral. Justeru, rangka kerja penyelidikan berasaskan integrasi ini perlu diperkasakan melalui dasar pendidikan tinggi, garis panduan etika penyelidikan, dan kolaborasi antara institusi Islam dan sains moden agar ia dapat diaplikasikan secara meluas dalam konteks global [13,15,16].

Perakuan

Kajian ini tidak dibiayai oleh mana-mana geran.

Rujukan

- [1] Al Aqeel, Aida I. "Islamic ethical framework for research into and prevention of genetic diseases." *Nature genetics* 39, no. 11 (2007): 1293-1298. <https://doi.org/10.1038/ng.2007.14>
- [2] Alfahmi, I., et al., "Maqasid al-shariah and bioethics: Contemporary perspectives." *Journal of Maqasid Studies*, 4(2), (2022): 120–138.
- [3] Alfahmi, M. Z., Albar, M. A., & Almutairi, A. F. "A Maqasid al-Shariah-based Islamic bioethics approach for end-of-life issues." *Journal of Bioethical Inquiry*, 19, (2022): 359–370.
- [4] Bakar, M. Abu, Saad Gomaa Gomaa Zaghloul Marina, Ahmed Ramadan Mohamed Ahmed, Muhamad Mustakim Abd Mus'ab Yusoff, Mohamad Fauzi Md Thahir Halim, and Mohd Syahmil Samsudin. "Islamic Research Methodology in Contemporary Research: Is it Applicable?." *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 11, no. 1 (2022): 919-938. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v11-i1/12366>
- [5] Bowen, Glenn A. "Document analysis as a qualitative research method." *Qualitative research journal* 9, no. 2 (2009): 27-40. <https://doi.org/10.3316/QRJ0902027>
- [6] Braun, Virginia, and Victoria Clarke. "Using thematic analysis in psychology." *Qualitative research in psychology* 3, no. 2 (2006): 77-101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp0630a>
- [7] Dasmadi, Dasmadi, Syamsul Hadi, Yang Junchu, Nabila Wahyuningtyas, and Ratna Sesotya Wedadjati. "Maqasid Shariah and Organizational Performance: A Systematic Literature Review." *Global Review of Islamic Economics and Business* 12, no. 2: 106-119. <https://doi.org/10.14421/grieb.2024.122-03>
- [8] Dusuki, Asyraf Wajdi, and Nurdianawati Irwani Abdullah. "Maqasid al-Shariah, Maslahah, and corporate social responsibility." *American Journal of Islamic Social Sciences* 24, no. 1 (2007): 25. <https://doi.org/10.35632/ajiss.v24i1.415>
- [9] Harrison, Peter. *The territories of science and religion*. University of Chicago Press, 2020.
- [10] Inayati, Anindya Aryu, and Agung Barok Pratama. "Epistemology in Islam: The Integration of Science and Religion According to Kuntowijoyo and Its Correlation with the National Law Establishment." *Tasfiyah: Jurnal Pemikiran Islam* 6, no. 1 (2022): 65-82. <https://doi.org/10.21111/tasfiyah.v6i1.7280>
- [11] Isa, Noor Munirah. "Human germline gene editing from Maslahah perspective: The case of the world's first gene edited babies." *Journal of bioethical inquiry* 18, no. 2 (2021): 349-355. <https://doi.org/10.1007/s11673-021-10101-7>
- [12] Jailani, Mohd Rushdan Mohd. "Kerangka Konsep Integrasi Ilmu Naqli Dan Aqli (Inaq) Di Universiti Sains Islam Malaysia: The Conceptual Framework of Integration of Naqli and Aqli (Inaq) Knowledge in Universiti Sains Islam Malaysia." *Abqari Journal* 20, no. 1 (2019): 21-32.
- [13] Jaiyeoba, Haruna Babatunde, Mohammad Aizat Jamaludin, Saheed Abdullahi Busari, and Yusuff Jelili Amuda. "The implications of Maqasid al-Shari'ah for integrated sustainability practices among businesses: a qualitative inquiry." *Qualitative Research in Financial Markets* 17, no. 3 (2025): 511-531. <https://doi.org/10.1108/QRFM-09-2023-0222>
- [14] Malkawi, B. H. "Epistemological Foundations of Islamic Research Methodology." *International Journal of Islamic Thought*, 6, (2014): 1-14. <https://doi.org/10.2307/j.ctvkjb263>
- [15] Mahmudulhassan, Mahmudulhassan, Muhammad Abuzar, Saif Uddin Ahmed Khondoker, and Jobeda Khanom. "The Integration of Islamic Epistemology in Ethical and Multicultural Education: Pedagogical Strategies and Challenges." *Multicultural Islamic Education Review* 2, no. 2 (2024): 123-135. <https://doi.org/10.23917/mier.v2i2.7612>
- [16] Mohadi, A. "Maqāsid al-sharī'ah and ethical challenges of artificial intelligence: A conceptual analysis." *Journal of Islamic Ethics*, 7(1), (2023): 23–45.
- [17] Packer, Samuel. "Informed consent with a focus on Islamic views." *The Journal of IMA* 43, no. 3 (2012): 215. <https://doi.org/10.5915/43-3-9040V>
- [18] Rattani, Abbas, and Adnan A. Hyder. "Developing an Islamic research ethics framework." *Journal of religion and health* 58, no. 1 (2019): 74-86. <https://doi.org/10.1007/s10943-017-0508-8>

- [19] Vera, Susanti, and R. Yuli A. Hambali. "Aliran rasionalisme dan empirisme dalam kerangka ilmu pengetahuan." *Jurnal Penelitian Ilmu Ushuluddin* 1, no. 2 (2021): 59-73. <https://doi.org/10.15575/jpiu.12207>
- [20] Syahrani, Fadilla, Fini Fajri Mulyani, Fismanelly Fismanelly, Sarah Afifah, and Alex Medani. "Application of Maqasid Al-Shariah in Islamic Economics and Finance as the Development of Products of Islamic Value." *Hakamain: Journal of Sharia and Law Studies* 2, no. 1 (2023): 150-162. <https://doi.org/10.57255/hakamain.v2i1.322>
- [21] Taylor, Charles. *A secular age*. Harvard university press, 2007.